

KESAN STRATEGI GALLERY WALK TERHADAP PENCAPAIAN MURID-MURID DALAM PEMBELAJARAN PENULISAN BAHASA MELAYU

EFFECTS OF GALLERY WALK STRATEGY TOWARDS PUPILS' ACHIEVEMENT IN LEARNING COMPOSITION IN MALAY LANGUAGE

Chew Fong Peng¹

Maisarah Mohamed Sulong²

¹ Pensyarah kanan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Malaysia (E-mel: fpchew@um.edu.my)

² Guru Bahasa Melayu, Minjiang Teachers College, China (E-mel: kamiliaarif@yahoo.com)

Accepted date: 16-12-2019

Published date: 15-1-2020

To cite this document: F.P. Chew & Muhamed Sulong, M. (2019). Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang Kanak-Kanak Menggunakan Pendekatan Euritmik. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(5), 43 - 62.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan pelaksanaan strategi Gallery Walk terhadap pencapaian murid dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga akan menganalisis hubungan antara sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi Gallery walk dengan pencapaian murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen dengan menggunakan Model Proses Pembelajaran Gagne (1974) sebagai kerangka asas kajian. Sampel kajian berjumlah 30 orang murid dalam kumpulan eksperimen dan 30 orang murid dalam kumpulan kawalan. Dapatan kajian diperoleh melalui praujian dan pascujian dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian ujian-t bagi perbandingan markah ujian sebelum dan selepas pelaksanaan strategi Gallery Walk dalam pembelajaran bahasa Melayu bagi kumpulan eksperimen menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian murid. Kajian juga mendapati terdapat kolerasi sederhana antara pelaksanaan strategi Gallery Walk dengan sikap pada $r = .477$ ($p < 0.05$). Selain itu, didapati motivasi berkorelasi sederhana dengan pelaksanaan strategi Gallery Walk pada $r = 0.447$ ($p = 0.05$). Hasil analisis juga menunjukkan pelaksanaan strategi Gallery Walk memberi kesan positif dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid. Oleh itu,

Kata kunci: motivasi, pencapaian, penulisan, sikap, strategi Gallery Walk

Abstract: This study conducted to determine the implementation of Gallery Walk in Malay language composition learning on pupils' achievement. Besides that, this study analyses the relationship of attitude, motivation and implementation of Gallery Walk to pupils' achievement. This study used quasi-experimental method by applying Gagne's Learning Process Model as the conceptual framework. The sample was 60 pupils who were divided into two groups, namely control group and experiment group. The result gained from the pre-test and the post-test administered and questionnaires were used as an instrument. The t-test result revealed that

there was an increasing in performance of the experimental group that performed better after implemented the Gallery Walk strategy. The analysis showed that the mean score and the standard deviation in pre-test was 47.47 and 10.33, whereas the mean score and standard deviation from post-test was 67.20 and 8.23. The study also showed moderate correlation from implementation of Gallery Walk strategy and the attitude with $r = .477$ ($p < 0.05$). The result also indicated that the motivation factor showed moderate correlation with the implementation of Gallery Walk strategy with $r = .447$ ($p = 0.05$). Besides that, questionnaires analysis showed that the implementation of Gallery Walk strategy produced positive effects in Malay language learning among the pupils.

Keywords: *motivation, achievement, composition, attitude, Gallery Walk strategy*

Pengenalan

Perkembangan sistem pendidikan dunia masa kini telah mendorong kerajaan Malaysia melakukan transformasi pendidikan negara yang memasuki gelombang ke-2 (2016-2020) bagi melonjakkan perubahan struktur pendidikan negara untuk merealisasikan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Pada tahun 2015, semua sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad 21 yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir ke arah menghasilkan murid-murid inovatif seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (KPM, 2013). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pencapaian dalam bidang pendidikan. Penerapan konstruk kemahiran alaf 21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah diberi penekanan. Mata murid Bahasa Melayu merupakan salah satu mata murid teras yang wajib dipelajari oleh murid-murid.

Salah satu objektif utama mata murid Bahasa Melayu diajar adalah supaya murid-murid dapat melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan. Sehubungan dengan itu, strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan yang berkesan haruslah dilaksanakan selari dengan Pedagogi Abad 21 yang menitikberatkan aktiviti dan kemahiran berfikir aras tinggi bahawa guru bertanggungjawab untuk membentuk murid-murid yang mempunyai asas penulisan yang mantap. Strategi pembelajaran *Gallery Walk* merupakan salah satu strategi pengajaran yang sangat sesuai untuk dipraktikkan dalam Pendidikan Abad 21. *Gallery Walk* merupakan strategi pembelajaran berbentuk perbincangan dalam kumpulan yang kecil untuk berkongsi idea dan berkomunikasi melalui soalan, dokumen, gambar, situasi dan teks. Selain itu, sikap yang positif dan motivasi yang tinggi diperlukan dalam kegiatan pembelajaran kerana kedua-dua faktor ini berperanan sebagai pendorong kepada seseorang murid untuk meneruskan aktiviti pembelajaran dan melakukan sesuatu tindakan yang dapat meningkatkan pencapaian mereka.

Permasalahan Kajian

Kemahiran menulis ialah satu kemahiran kompleks yang memerlukan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Menurut Mohd Amin, Mohd Izzuddin, Mohd Faez, Muhammad Syakir dan Mohd Salihin Hafizi (2018), penurunan kualiti hasil penulisan, kelemahan diri dan sikap negatif murid-murid serta kekurangan guru yang berkemahiran turut menyumbang kepada masalah penulisan karangan.

Kajian Yusfaiza Yusuff dan Mohd Isha Awang (2012) mendapati kelemahan murid dalam menulis karangan akan menjejaskan pencapaian akademik Bahasa Melayu kerana pemberatan

karangan dalam peperiksaan adalah sangat besar. Hasil dapatan kajian Lai, Chin dan Chew (2017) menunjukkan bahawa semua guru yang ditemu bual mengajar penulisan karangan tidak mengikut sukatan muridannya sepenuhnya dan masih menggunakan strategi pengajaran berpusatkan guru. Dapatan ini selaras dengan kajian Zulkifli (2013) yang membuktikan bahawa guru lebih cenderung menggunakan strategi pengajaran yang berpusatkan guru. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang tidak berpusatkan murid menyebabkan mereka sukar untuk memahami dengan lebih mendalam tentang strategi menulis karangan yang baik di samping tidak menggunakan kemahiran berfikir untuk memilih, mengolah dan menghuraikan idea atau isi-isi karangan dalam bentuk penulisan yang bermutu.

Sehubungan itu, Zamri (2014) mendapati sesuatu mata muridannya itu tidak akan berjaya dan cemerlang sekiranya pengajaran dan pembelajaran masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil berat tentang kemahiran berfikir murid-murid. Kekangan masa dan tugas guru yang mahu menghabiskan sukatan muridannya menyebabkan kemahiran penulisan tidak dapat diterapkan sepenuhnya. Menurut Rohaida & Zamri (2016), kekangan masa merupakan antara cabaran dalam pelaksanaan kajian pengajaran. Pendapat ini berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Richards dan Rogers (2001) yang berpendapat ramai guru tidak mahu mengubah kaedah pengajaran berpusatkan murid-murid disebabkan oleh kekangan masa.

Selain itu, masalah murid-murid tidak memahami bahan rangsangan dan kehendak soalan serta tidak mempunyai kemahiran menulis adalah antara masalah yang dihadapi oleh guru. Kajian Che Zanariah dan Fadzilah (2011) mendapati kegagalan memahami kehendak soalan menjadikan murid-murid gagal untuk menghasilkan rumusan karangan yang menepati kehendak soalan. Hal ini mengakibatkan pencapaian murid-murid dalam penulisan menurun. Profil murid-murid yang lebih beragam, kurang pendedahan terhadap bahan bacaan Melayu, keterbatasan penguasaan kosa kata, kurang penekanan terhadap penggunaan Bahasa Melayu di rumah merupakan contoh-contoh cabaran yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah (Zaleha Ahmad, 2014)

Masalah sikap dan motivasi murid-murid terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu yang sukar juga perlu diatasi. Menurut Nurul Ain dan Azizi (2012), murid-murid tidak berupaya untuk bersikap positif terhadap masalah yang sukar, mereka tidak dapat menyesuaikan idea dengan keadaan semasa, sukar memikirkan kaedah penyelesaian masalah dan kurang berkeyakinan dalam menyelesaikan masalah. Ini adalah berdasarkan hasil kajian beliau yang mendapati bahawa sampel kajiannya mempunyai pemikiran interventif pada tahap sederhana rendah.

Selain itu, hasil kajian Abdul Aziz dan Tengku Ahmad (2011) mendapati aspek sikap mempengaruhi keberkesanan penggunaan Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana. Hal ini serupa dengan masalah sikap murid-murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kelemahan murid-murid dalam mengungkapkan isu sesuatu topik disebabkan sikap kebanyakan mereka hanya bergantung kepada penerangan dan nota guru sahaja.

Sikap juga mempunyai kaitan dengan motivasi. Murid yang bersikap positif mempunyai tahap motivasi yang tinggi. Kajian Nur Khaizatul Fateha dan Zamri (2016) mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap dan motivasi murid dengan kemahiran abad ke-21. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pelaksanaan strategi *Gallery Walk* terhadap sikap, motivasi dan pencapaian murid dalam pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu.

Objektif Dan Soalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang telah dibincangkan, tiga objektif telah ditentukan untuk dicapai dalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur tahap pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu untuk kumpulan kawalan dan eksperimen yang menggunakan strategi *Gallery Walk*; mengenal pasti perbezaan pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas pembelajaran penulisan dalam kumpulan kawalan dan eksperimen; serta mengenal pasti hubungan antara sikap, motivasi dan pencapaian murid terhadap pelaksanaan strategi *Gallery Walk*. Justeru kajian ini akan menjawab tujuh soalan berikut:

1. Apakah tahap pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu untuk kumpulan kawalan dan eksperimen?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid-murid dalam praujian dan pascajian untuk kumpulan eksperimen?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid-murid sebelum dan selepas pembelajaran untuk kumpulan kawalan dan eksperimen?
4. Apakah sikap murid-murid terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?
5. Apakah motivasi murid-murid terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?
6. Apakah keadaan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?
7. Adakah terdapat hubungan antara sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi *Gallery walk* dengan pencapaian murid?

Berikutan itu, hipotesis nul dibangunkan:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu dalam praujian dan pascajian untuk kumpulan eksperimen.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas pembelajaran untuk kumpulan kawalan dan rawatan.

Ho3: Tidak terdapat hubungan antara sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi *Gallery walk* dengan pencapaian murid.

Tinjauan Literatur

Strategi *Gallery Walk*

Gallery walk merupakan salah satu model pembelajaran kelompok ataupun pembelajaran koperatif. *Gallery Walk* adalah strategi pembelajaran kooperatif menurut Tewsbury dan Heather (2014).. *Gallery Walk* dengan istilah keliling kelompok yang bertujuan agar ahli kumpulan masing-masing mendapat kesempatan untuk memberikan kerjasama dan mendengar pandangan serta pemikiran ahli kumpulan yang lain menurut Yusnidar (2014). Marini (2012) menyatakan *Gallery Walk* ini disebut “kaedah keliling kelompok” bahawa murid-murid diberi kesempatan untuk memberikan komitmen mereka dan mendengar pandangan serta pemikiran anggota kumpulan lain. Silberman Melvin L (2007) menyatakan *Gallery Walk* merupakan satu cara menilai dan mengingatkan apa yang telah dipelajari murid-murid selama berlangsungnya pembelajaran. Silberman juga menyebut *Gallery Walk* dengan istilah “Galeri Belajar” yang merupakan satu cara untuk menilai apa yang telah dipelajari oleh murid-murid. Hal ini serupa dengan Machmudah, Umi dan Abdul Wahab Rasyidi (2008) yang menyebut *Gallery Walk*

dengan sebutan “Galeri Belajar” yang merupakan satu cara untuk murid menilai dan mengingat apa yang telah dipelajari. Chee, Kwan dan Tiam (2015) menyatakan *Gallery Walk* adalah pembelajaran aktif.

Strategi *Gallery Walk* bertujuan agar murid-murid dapat kesempatan menyumbangkan idea mereka dan mendengar pandangan dan pemikiran anggota kumpulan yang lain (Yusnidar, 2014; Asmani, 2011). Selain itu, mengembangkan pengetahuan dan keterampilan murid-murid dalam berfikir, meneliti, berkomunikasi dan bekerjasama dalam mengumpul maklumat baharu dan memberi peluang kepada murid-murid memilih, mengolah dan menyampaikan maklumat dan pemahaman baharu yang diperolehi. Strategi ini juga dapat melatih murid-murid untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan melalui aktiviti soal jawab. Selain itu, strategi ini dapat menggalakkan murid-murid mendengar dan mengeluarkan idea (Chee, Kwan & Tiam, 2015). Tewsbury et al.(2014) menyatakan *Gallery Walk* ialah strategi pembelajaran koperatif, murid-murid digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan.

Menurut kajian Yusnidar (2014), strategi pembelajaran *Gallery Walk* menunjukkan impak positif dalam meningkatkan penglibatan murid-murid dalam proses pembelajaran khususnya dalam aspek menulis teks *analytical exposition*. Data menunjukkan peningkatan peratusan murid aktif dari 53.57 peratus menjadi 87.5 peratus. Kajian Marini (2012) yang dijalankan di Madrasah Tsanawiyah Al-Fatah Tarakan, Makassar menunjukkan kemampuan murid yang menggunakan strategi *Gallery Walk* lebih tinggi berbanding murid yang tidak menggunakan strategi ini dalam pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu, hasil kajian Chin, Khor dan Teh (2015) mendapati 71.4 peratus murid memahami topik pembentangan ahli kumpulan mereka dan kumpulan lain dengan menggunakan strategi *Gallery Walk*. Hasil dapatan kajian Tan dan Alcantara (2017) pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min antara kumpulan kawalan ($M=18.76$, $SP=5.38$) dan kumpulan eksperimen ($M=22.72$, $SP=5.57$).

Sikap dan Motivasi

Kemahiran menulis harus disokong oleh faktor dalaman murid-murid, iaitu sikap dan penerimaan mereka terhadap kepentingan kemahiran menulis dalam usaha melahirkan hasil penulisan yang bermutu. Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman, 2014). Kajian Chew (2018) mendapati bahawa penguasaan Bahasa Melayu siswa/i Beijing dalam masa yang singkat kerana minat dan mereka memaparkan sikap positif, mempunyai motivasi diri dan sokongan pensyarah yang kukuh. Kajian berbentuk lapangan juga telah dijalankan oleh Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar dan Azman Che Mat (2013) yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar sikap dan penguasaan bahasa Arab murid yang terlibat dalam program j-QAF secara empirikal. Dapatan kajian terhadap sikap responden secara umumnya adalah positif dengan minat yang tinggi untuk memmuridi bahasa Arab. Hasil kajian Noor Emma dan Leong (2014) menunjukkan sikap, minat dan pengajaran guru merupakan faktor-faktor penting dalam menentukan pencapaian murid dalam Matematik.

Minat adalah rasa lebih suka dan tertarik pada suatu hal atau aktiviti atas kemahiran sendiri. Menurut Erhasyah (2018), minat bererti kecenderungan dan kehairahan yang tinggi atau keinginan yang besar terhadap sesuatu. Kajian Fazlina dan Aniza (2015) menemui hubungan yang signifikan antara minat dan pencapaian murid dalam kursus DPA3043-Auditing ($r = 0.236$, $p < 0.05$). Kajian ini disokong oleh Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim, Roslina Abd Talib (2011) yang mendapati bahawa kesan sikap dan minat yang positif mampu mendorong

murid berfikiran kritis, bersikap aktif di dalam kelas, boleh meningkatkan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi, serta bekerjasama dalam kumpulan.

Jerie dan Zamri (2011) menyatakan sikap memberi impak pada tahap pencapaian murid. Ini menyokong kajian Zaliza dan Zaitul Azma (2014) yang menyimpulkan bahawa murid yang mempunyai sikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai sasaran. Murid-murid yang mempunyai sikap positif untuk memmuridi penulisan karangan akan lebih berminat untuk belajar walaupun mata muridan itu sukar berbanding murid yang bersikap negatif yang menganggap penulisan karangan itu susah.

Menurut Ahmad, Nurul Akmar dan Saifullizam (2005), sikap dan minat mempunyai kaitan iaitu murid-murid akan menganggap sesuatu mata muridan itu susah apabila mereka kurang minat. Selain itu, murid yang bersikap positif akan mempunyai kesedaran tentang kepentingan memmuridi penulisan dan mereka akan cuba untuk menguasainya. Menurut Zamri Mahmood, Kamaliah Ayu Ab. Ghani Dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2016), dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi sejauh mana murid dapat memmuridi dan menguasainya dengan cepat.

Sikap juga mempunyai kaitan dengan motivasi. Murid yang bersikap positif mempunyai tahap motivasi yang tinggi. Kajian Nur Khaizatul Fateha dan Zamri (2016) mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap dan motivasi murid dengan kemahiran abad ke-21. Kajian Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2014) tentang motivasi dalam pembelajaran pula telah melihat bahawa motivasi amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanan sesuatu proses itu. Motivasi adalah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat. Hasil kajian Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna ruzanna (2017) mendapati bahawa pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi dan pencapaian murid ketika memmuridi Bahasa Melayu.

Azizi Yahya dan Jaafar Sidek (2006) menyatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru perlu melakukan sesuatu untuk merangsang motivasi murid. Motivasi dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif. Selain itu, dapatan kajian Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2014) terhadap murid asing mendapati sampel kajian mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk memmuridi Bahasa Melayu, manakala kajian Zamri dan Zarina (2001) dan Ainun Rahmah et.al (2017) menunjukkan murid Cina dan murid India mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Teori Kajian

Kajian ini menggunakan teori konstruktivisme sebagai kerangka asas kajian. Tan (2017) menyatakan '*All categories of learning cited by Gagne are included in the Gallery Walk*'. Gagne (1974) dalam buku beliau, *Essentials of Learning for Instruction* mengemukakan satu teori mengenai bagaimana manusia memperoleh maklumat dalam sesuatu proses pembelajaran. Menurut teori ini, individu yang berhadapan dengan persekitarannya akan mendapat pelbagai rangsangan sama ada secara sedar atau tidak, secara sengaja atau tidak dan sama ada dari luar atau dari dalam. Rangsangan-rangsangan dari persekitaran akan diterima dalam sistem saraf melalui deria-deria manusia. Maklumat ini akan ditafsirkan dalam stor ingatan, kemudian dihantar ke stor ingatan jangka panjang dan akhirnya kepada penggerak tindak balas melalui sistem saraf.

Gagne (1974) kemudian mengenal pasti dan menyarankan lapan fasa yang melibatkan proses pembelajaran iaitu fasa motivasi, fasa kefahaman, fasa penyimpanan, fasa penahanan, fasa ingatan kembali, fasa generalisasi, fasa prestasi dan fasa maklum balas. Fasa Motivasi ialah fasa pertama dalam sesuatu proses pembelajaran. Motivasi merupakan suatu dorongan semula jadi yang wujud dalam diri manusia. Tanpa motivasi, proses pembelajaran tidak akan bermakna dan berkesan. Motivasi merupakan tindakan yang menimbulkan motif murid supaya berusaha belajar. Fasa kedua melibatkan aktiviti pemerhatian dan pemilihan rangsangan yang tepat dan relevan. Murid menumpukan perhatian semasa belajar di dalam kelas dan menolak gangguan lain seperti bunyi perbualan rakan-rakan sekelas.

Fasa ketiga adalah fasa di mana rangsangan yang telah disimpan dikodkan dengan cara tersendiri dan ringkas. Contohnya merekodkan isi-isi penting dalam bentuk yang mudah disimpan. Seterusnya ialah fasa penahanan. Fasa penahanan adalah bahagian yang berkeupayaan menerima dan menyimpan sebanyak mana maklumat yang diperolehi. Fasa mengingat kembali merupakan tindakan mencari maklumat atau pengalaman yang telah disimpan dalam stor ingatan jangka panjang. Contohnya, seorang murid berusaha mengingat kembali apa yang telah dipelajari supaya dapat menjawab soalan guru. Fasa Generalisasi merujuk kepada fasa pemindahan pembelajaran atau fasa aplikasi di mana seseorang boleh mengingat kembali maklumat dalam stor ingatan jangka panjang dan menggunakannya untuk situasi yang serupa atau sama. Fasa Prestasi dikenali sebagai fasa perlakuan. Mengikut Gagne, fasa ini boleh dilihat dan diukur daripada perubahan tingkah laku seseorang dalam proses pembelajaran. Misalnya, murid bertindak balas dengan menjawab soalan guru atau rakan secara lisan. Fasa terakhir ialah fasa maklum balas. Fasa ini berlaku selepas seseorang individu telah bertindak balas dengan prestasi atau perubahan tingkah laku yang tepat. Misalnya, seorang murid yang dapat memberi jawapan yang tepat diberikan pujian oleh guru. Mengikut Model Proses Pembelajaran Gagne (1974), setiap fasa mempunyai tindakan dalaman ataupun luaran yang tersendiri dan mempengaruhi fasa yang berikutnya.

Kesemua fasa tersebut akan diguna pakai dalam pembinaan soal selidik untuk mengenal pasti hubungan antara sikap, motivasi dan pencapaian murid terhadap pelaksanaan strategi *Gallery Walk*.

Metodologi

Kajian ini melibatkan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah kuasi-eksperimen dan kaedah tinjauan. Kaedah kuasi eksperimen digunakan kerana sampel dipilih bukan secara rawak bagi kedua-dua kumpulan, iaitu 30 orang murid-murid dalam Kumpulan Kawalan dan 30 orang murid dalam Kumpulan Eksperimen. Kedua-dua kumpulan ini menunjukkan tahap pencapaian yang hampir sama. Murid-murid kumpulan kawalan menggunakan strategi tradisional, manakala murid-murid kumpulan eksperimen menggunakan strategi *Gallery Walk* dalam pembelajaran penulisan selama dua bulan.

Responden kajian yang dipilih terdiri daripada murid-murid tahun 5 di sebuah sekolah kebangsaan kawasan bandar di Segamat, Johor yang melibatkan seramai 60 orang. Mereka rata-rata terdiri daripada murid-murid Melayu. Sekolah kebangsaan ini dipilih kerana sekolah ini sudah lama didirikan dan mempunyai guru berpengalaman.

Instrumen utama kuasi-eksperimen dalam kajian ini ialah ujian yang dibina berdasarkan sukatan murid Bahasa Melayu. Dalam praujian dan pasca, terdapat dua bahagian soalan penulisan yang dikemukakan, iaitu satu bahagian berupa soalan membina ayat berpandukan

gambar dan bahagian kedua ialah soalan karangan ulasan. Praujian diberikan kepada kedua-dua kumpulan sebelum rawatan dijalankan. Selepas rawatan dijalankan, pascaujian pula diberikan kepada kedua-dua kumpulan.

Kaedah kedua yang digunakan ialah kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik yang lebih mudah ditadbir dan efisien dalam memperolehi data. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengkaji sikap dan motivasi murid-murid kumpulan eksperimen terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Borang soal selidik ini terdiri daripada 33 item. Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan demografi yang terdiri daripada maklumat responden. Bahagian B pula terdiri daripada tiga bahagian, iaitu sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* yang perlu dilengkapkan oleh responden. Skala yang digunakan ialah skala Likert-5. Kesahan instrumen dilakukan oleh tiga orang pakar yang dipilih. Pakar yang dipilih mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun berkaitan bidang kajian.

Setelah dibuat kajian rintis, nilai alpha Cronbach yang diperoleh ialah 0.88. Hal ini bermakna item soal selidik mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Data- ata yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science (SPSS)* versi 23.0. Statistik Deskriptif digunakan untuk menunjukkan peratus, min dan sisihan piawai untuk menjelaskan tentang latar belakang responden dan soal selidik berkenaan dengan sikap, motivasi dan keputusan ujian. Seterusnya, Statistik Inferensi ujian-*t* digunakan untuk menilai perbezaan pencapaian murid mengikut kaedah pembelajaran yang digunakan.

Profil Responden

Jadual di bawah menunjukkan analisis latar belakang responden secara deskriptif.

Jadual 1: Latar BELAKANG RESPONDEN

Latar belakang	Deskriptif (n=60)	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	34	56.7
	Perempuan	26	43.3
Bangsa	Melayu	60	100.0
Gred	A	38	63.3
	B	18	30.0
	C	4	6.7

Data menunjukkan jantina responden Tahun 5 Putra Bestari yang menunjukkan responden lelaki ialah 34 orang (56.7%) manakala responden perempuan sebanyak 26 orang (43.3%). Semua responden terdiri daripada bangsa Melayu. Sebanyak 38 orang responden (63.3 %) mendapat Gred A dalam penulisan Bahasa Melayu, manakala 18 orang responden (30 %) mendapat Gred B, diikuti 4 orang responden (6.7 %) mendapat Gred C dalam penulisan Bahasa Melayu. Jumlah responden tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan, yakni kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen untuk kajian selanjutnya.

Dapatan Kajian Kuasi-Eksperimen

Soalan Kajian 1: Apakah tahap pencapaian murid dalam penulisan Bahasa Melayu untuk kumpulan kawalan dan eksperimen?

Jadual 2: Perbandingan Keputusan Praujian dan Pascaujian antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen

Responden	Kumpulan Kawalan		Kumpulan eksperimen	
	Praujian (%)	Pascaujian (%)	Praujian (%)	Pascaujian (%)
R1	52	80	56	80
R2	52	76	20	60
R3	40	56	56	72
R4	52	76	56	64
R5	68	80	56	76
R6	60	68	40	76
R7	52	64	60	72
R8	52	64	48	64
R9	60	68	60	68
R10	46	60	60	64
R11	56	68	48	61
R12	72	76	60	72
R13	60	80	56	56
R14	56	72	44	60
R15	56	44	52	76
R16	52	78	44	72
R17	40	64	60	84
R18	40	72	36	56
R19	68	80	48	60
R20	40	72	44	80
R21	40	48	48	68
R22	52	72	40	52
R23	48	52	48	60
R24	52	52	20	64
R25	68	68	44	56
R26	48	48	48	60
R27	44	72	48	64
R28	52	68	40	72
R29	52	64	40	68
R30	64	64	44	76
Purata	53.11	66.86	47.47	67.2

Dapatan menunjukkan tahap pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu bagi kumpulan kawalan menunjukkan peningkatan sebanyak 13.75%, manakala bagi kumpulan eksperimen pula, dapatan menunjukkan peningkatan keputusan ujian yang lebih ketara apabila strategi *Gallery Walk* digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu iaitu, sebanyak 19.73 % dari 47.47 % kepada 67.2%. Ini menunjukkan bahawa kesan strategi *Gallery Walk* digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu adalah lebih tinggi berbanding kaedah tradisional.

Soalan Kajian 2: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu sebelum dan selepas pembelajaran untuk kumpulan kawalan dan eksperimen?

Jadual 3: Ujian-*t* Perbandingan Skor Min Markah Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Strategi *Gallery Walk* Bagi Kumpulan Eksperimen

Praujian		Pascaujian		Beza Min	Nilai <i>t</i>	<i>p</i>	Kesan Saiz
Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai				
47.47	10.33	67.20	8.23	-19.73	- 9.95	.000	2.11

$p < .05$

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis ujian-*t* bagi perbandingan purata (min) markah ujian sebelum dan selepas pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dalam pembelajaran penulisan bahasa Melayu bagi kumpulan eksperimen. Hasil analisis menunjukkan bahawa skor min dan sisihan piawai dalam pra ujian bahasa Melayu ialah 47.47 dan 10.33 manakala skor min dan sisihan piawai selepas pelaksanaan strategi adalah 67.20 dan 8.23. Perbezaan skor min antara ujian tersebut ialah -19.73. Keputusan kajian adalah signifikan ($t = -9.95$, $p < .005$) dengan kesan saiz yang kecil pada nilai Cohen's *d* 2.11. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bagi pencapaian murid-murid apabila dilaksanakan strategi *Gallery Walk* dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu bagi kumpulan eksperimen. Dengan kata lain, strategi ini memberi kesan kepada murid-murid dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Maka hipotesis nul 1 ditolak.

Soalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid-murid sebelum dan selepas pembelajaran untuk kumpulan kawalan dan eksperimen?

Jadual 4: Ujian-*t* Perbandingan Skor Min Markah (Pascaujian) antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan eksperimen		Kumpulan Kawalan		Beza Min	Nilai <i>t</i>	<i>p</i>
Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai			
67.2	8.23	66.8	10.3	0.4	.135	.893

$p < .05$

Jadual 4 menunjukkan perbezaan pascaujian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan. Keputusan statistik ujian-*t* menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($t = .135$, $p > .05$). Keputusan ujian menunjukkan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* tidak mempengaruhi pencapaian murid berbanding kaedah tradisional dalam pembelajaran bahasa Melayu. Namun begitu, hasil analisis min soal selidik yang diberikan kepada responden berkenaan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dalam pembelajaran bahasa Melayu memberi kesan yang positif. Maka hipotesis nul 2 diterima.

Dapatan Soal Selidik

Bahagian ini hanya dijawab oleh 30 orang murid-murid yang menjalani eksperimen pembelajaran penulisan Bahasa Melayu menerusi strategi *Gallery Walk*.

Soalan Kajian 4: Apakah sikap murid-murid terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?

Jadual 5: Sikap Murid-Murid terhadap Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu

Bil	Pernyataan	STS %	TS %	TP %	S %	SS %
1	Ilmu Bahasa Melayu berguna kepada saya.	-	-	-	30 (9)	70 (21)
2	Saya mempunyai rasa ingin tahu tentang topik-topik dalam Bahasa Melayu.	-	-	-	38.3 (10)	66.7 (20)
3	Saya selalu peka terhadap isu-isu Bahasa Melayu.	-	-	13.3 (4)	46.7 (14)	40 (12)
4	Saya belajar bersungguh-sungguh untuk memmuridi Bahasa Melayu.	-	-	-	43.3 (13)	56.7 (17)
5	Saya selalu memberi perhatian semasa pembelajaran Bahasa Melayu.	-	-	6.7 (2)	33.8 (10)	60 (18)
6	Saya mudah memahami pengajaran guru saya.	-	-	-	36.7 (11)	63.3 (19)
7	Saya selalu bertanya soalan kepada guru.	-	3.3 (1)	6.7 (2)	50 (15)	40 (12)
8	Saya suka melakukan aktiviti perbincangan di dalam kelas.	-	3.3 (1)	6.7 (2)	36.7 (11)	53.3 (16)
9	Saya selalu menyiapkan tugas Bahasa Melayu.	-	6.7 (2)	13.3 (4)	43.3 (13)	36.7 (11)
10	Saya seronok belajar Bahasa Melayu.	-	-	-	36.7 (11)	63.3 (19)

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis tentang sikap murid-murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Sebanyak 10 pernyataan telah dikemukakan. Seramai 21 orang responden menyatakan sangat setuju bahawa ilmu Bahasa Melayu sangat berguna kepada mereka manakala 30% (9 orang) responden menyatakan setuju. 70 % (20 orang) responden menyatakan mereka rasa ingin tahu tentang topik-topik dalam Bahasa Melayu manakala 38.3 % (10 orang) responden menyatakan setuju tentang perasaan ingin tahu mereka tentang topik-topik dalam Bahasa Melayu. Selain itu, 46.7 % (14 orang) responden menyatakan setuju, 40% (12 orang) menyatakan sangat setuju dan 4 orang responden menyatakan tidak pasti terhadap kepekaan mereka terhadap isu-isu Bahasa Melayu. Sebanyak 56% (17 orang) responden menyatakan sangat setuju terhadap pernyataan saya belajar bersungguh-sungguh untuk memmuridi Bahasa Melayu manakala 43.3% (13 orang) responden menyatakan setuju.

Di samping itu, seramai 60% 18 orang responden menyatakan sangat setuju terhadap pernyataan “Saya selalu memberi perhatian semasa pembelajaran Bahasa Melayu”. 63.3 % (19 orang) responden menyatakan sangat setuju terhadap pernyataan “saya mudah memahami pengajaran guru saya”. Seterusnya, seramai 15 orang responden atau 50% menyatakan setuju tentang pertanyaan soalan kepada guru manakala 16 orang responden atau 53.3 % menyatakan mereka suka melakukan aktiviti perbincangan di dalam kelas. Pernyataan tentang menyiapkan tugas Bahasa Melayu disetujui oleh 13 orang responden atau 43.3 % dan 19 orang responden atau 63.3 % merasa seronok belajar Bahasa Melayu.

Soalan Kajian 5: Apakah motivasi murid-murid terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?

Jadual 6 : Motivasi murid-murid terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu

Bil	Pernyataan	STS %	TS %	TP %	S %	SS %
1	Saya menetapkan matlamat dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu	-	-	10 (3)	36.7 (11)	53.3 (16)
2	Saya merancang strategi pembelajaran penulisan Bahasa Melayu.	-	-	16.7 (5)	46.7 (14)	36.7 (11)
3	Saya sering melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran penulisan Bahasa Melayu.	3.3 (1)	-	6.7 (2)	43.3 (13)	46.7 (14)
4	Saya akan bersikap positif terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu walaupun sukar.	-	-	13.3 (4)	46.7 (14)	40 (12)
5	Saya berminat memmuridi kemahiran baru dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu.	-	-	6.7 (2)	46.7 (14)	46.7 (14)
6	Saya tidak merasa malu untuk bertanya guru semasa pembelajaran penulisan Bahasa Melayu	-	-	-	43.3 (13)	56.7 (17)
7	Saya selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru Bahasa Melayu.	3.3 (1)	-	-	43.3 (13)	53.3 (16)
8	Saya selalu berfikir daripada pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai penulisan Bahasa Melayu.	3.3 (1)	-	16.7 (5)	40 (12)	40 (12)
9	Saya menyiapkan tugas penulisan Bahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan.	3.3 (1)	-	-	63.3 (19)	33.3 (10)
10	Saya merasa gembira apabila dapat menyelesaikan tugas Bahasa Melayu.	-	-	3.3 (1)	43.3 (13)	53.3 (16)

Jadual 5 menunjukkan analisis motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Daripada jadual tersebut didapati 53.3 % atau 16 orang responden sangat setuju bahawa mereka menetapkan matlamat dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dan 46.7 % atau 14 orang responden menyatakan setuju terhadap pernyataan merancang strategi pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Selain itu, 46.7 % atau 14 orang responden sangat setuju yang mereka sering melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dan berminat memmuridi kemahiran baru dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Mereka juga menyetujui bahawa mereka bersikap positif terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu walaupun sukar. Di samping itu, 56.7 % atau 17 orang responden menyatakan mereka tidak merasa malu untuk bertanya guru semasa pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dan 53.3 % atau 16 orang responden menyatakan sangat setuju bahawa mereka selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru Bahasa Melayu. Seterusnya, data menunjukkan 40 % atau 12 orang responden masing-masing menyatakan sangat setuju dan setuju terhadap pernyataan mereka selalu berfikir daripada pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai penulisan Bahasa Melayu. Seramai 19 orang responden (63.3 %) menyetujui pernyataan yang menyatakan bahawa mereka menyiapkan tugas penulisan Bahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan dan 53.3 % atau 16 orang responden menyatakan mereka gembira apabila dapat menyelesaikan tugas Bahasa Melayu.

Soalan Kajian 6: Apakah keadaan pelaksanaan strategi Gallery Walk dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?

Jadual 7: Pelaksanaan strategi Gallery Walk dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu

Bil	Pernyataan	STS %	TS %	TP %	S %	SS %
1	Tugas pembelajaran saya melibatkan kerjasama dengan murid lain.	-	-	10 (3)	26.7 (8)	63.3 (19)
2	Ahli dalam kumpulan saya bekerjasama dengan baik dalam menyiapkan tugas.	-	-	6.7 (2)	30 (9)	63.3 (19)
3	Saya dan ahli kumpulan dapat berbincang tentang sesuatu topik bersama.	-	-	6.7 (2)	40 (12)	53.3 (26)
4	Ahli kumpulan saya dapat membantu saya menguasai sesuatu topik.	-	-	10 (3)	36.7 (11)	53.3 (26)
5	Saya dapat mengeluarkan idea saya sendiri.	-	-	6.7 (2)	46.7 (14)	46.7 (14)
6	Saya dapat melihat hasil kerja kumpulan lain	-	-	6.7 (2)	30 (9)	63.3 (19)
7	Saya mendapat maklumat baharu semasa sesi pembentangan hasil kerja kumpulan lain.	-	-	-	36.7 (11)	63.3 (19)
8	Saya mencatat maklumat semasa sesi pembentangan hasil kerja kumpulan lain.	6.7 (2)	-	-	26.7 (8)	66.7 (20)

9	Saya dapat menghuraikan isi penting dengan lebih baik	-	-	10 (3)	33.3 (10)	56.7 (17)
10	Saya dapat menulis karangan dengan baik.	-	-	3.3 (1)	50 (15)	46.7 (14)

Jadual 7 menunjukkan analisis data pelaksanaan strategi *Gallery Walk*. Sebanyak 53.3 % atau 19 orang responden menyatakan sangat setuju dengan tugas pembelajarannya melibatkan kerjasama dengan murid lain dan 53.3 % atau 19 orang responden ahli dalam kumpulan bekerjasama dengan baik dalam menyiapkan tugas. Selain itu, 53.3 % atau 26 orang responden menyatakan sangat setuju terhadap pernyataan “Saya dan ahli kumpulan dapat berbincang tentang sesuatu topik bersama” dan “ahli kumpulan saya dapat membantu saya menguasai sesuatu topik.”. Di samping itu, 46.7 % atau 14 orang responden masing-masing sangat setuju dan setuju mereka dan ahli kumpulan mereka dapat mengeluarkan idea mereka sendiri. Seramai 19 orang responden atau 63.3 % menyatakan sangat setuju terhadap mendapat maklumat baharu semasa sesi pembentangan hasil kerja kumpulan lain dan 67.7 % atau 20 orang responden mencatat maklumat semasa sesi pembentangan hasil kerja kumpulan lain. Data analisis juga menunjukkan 56.7 % atau 17 orang responden sangat setuju bahawa mereka dapat menghuraikan isi penting dengan lebih baik dan 46.7 % atau 14 orang responden menyatakan sangat setuju mereka dapat menulis karangan dengan baik.

Jadual 8: Perbezaan Min Skor Pembolehubah Sikap, Motivasi dan Pelaksanaan Strategi *Gallery Walk*

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Sikap	4.470	0.308
Motivasi	4.360	0.327
Strategi <i>Gallery Walk</i>	4.503	0.328

Jadual di atas menunjukkan min skor bagi sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* masing-masing menunjukkan min skor yang tinggi dengan nilai min skor sikap (min=4.47, SP=0.308), motivasi (min=4.360, SP=0,327) dan strategi *Gallery Walk* (min=4.503, SP=0,328).

Soalan Kajian 7: Adakah terdapat hubungan antara sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi *Gallery walk* dengan pencapaian murid?

Jadual 9: Korelasi antara Sikap, Motivasi dan Pelaksanaan Strategi *Gallery Walk*

Pembolehubah	Sikap	Motivasi	Strategi
Sikap	Pearson Correlation	1	.477**
	Sig. (2-tailed)		.008
Motivasi	Pearson Correlation	.	.447*
	Sig. (2-tailed)		.013
Strategi	Pearson Correlation		1
	Sig. (2-tailed)		

** . Kolerasi adalah signifikan pada tahap .01 (2-ekor).

*. Kolerasi adalah signifikan pada tahap .05 (2-ekor)

Berdasarkan jadual 9, didapati bahawa terdapat kolerasi sederhana pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dengan sikap pada $r = .477$ ($p < 0.05$). Selain itu, didapati motivasi juga ada korelasi sederhana dengan strategi *Gallery Walk* pada $r = .447$ ($p = 0.05$). Ini dapat disimpulkan bahawa terdapat korelasi antara pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dengan sikap dan motivasi.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian murid-murid dalam penulisan Bahasa Melayu bagi kumpulan eksperimen yang mengaplikasikan strategi *Gallery Walk* dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu menunjukkan peningkatan keputusan ujian yang lebih ketara berbanding strategi tradisional. Hasil kajian ini adalah sama dengan keputusan kajian Chin, Khor dan Teh (2015).

Berdasarkan hasil kajian ini, didapati wujud perbezaan yang signifikan antara skor ujian sebelum dan selepas pelaksanaan strategi *Gallery Walk* bagi kumpulan eksperimen dengan kesan saiz yang kecil. Ini jelas menunjukkan bahawa strategi *Gallery Walk* adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid-murid dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Tan dan Alcantara (2017) yang turut mendapati murid-murid kajian mereka meningkat dengan banyak selepas dirawat dengan strategi tersebut.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan pada aras keyakinan .05. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan strategi *Gallery Walk* tidak mempunyai perbezaan kesan kepada murid-murid berbanding strategi tradisional dalam pembelajaran penulisan bahasa Melayu. Hasil kajian ini adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Marini (2012) yang menunjukkan kemampuan murid yang menggunakan strategi *Gallery Walk* lebih tinggi berbanding murid yang tidak menggunakan strategi ini dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini mendapati strategi *Gallery Walk* ada kolerasi sederhana dengan sikap pada $r = .477$ ($p < 0.05$). Selain itu, didapati motivasi ada korelasi sederhana antara motivasi dengan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* pada $r = .447$ ($p = 0.05$). Ini dapat disimpulkan bahawa terdapat korelasi antara pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dengan sikap dan motivasi.

Selain daripada itu, hasil analisis soal selidik menunjukkan pelaksanaan strategi *Gallery Walk* memberi kesan positif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati bahawa semasa sesi pembelajaran, murid-murid dan ahli kumpulan dapat berbincang bersama-sama tajuk yang diberi. Dapatan ini disokong dengan kajian Ainun Rahmah et.al (2017) yang menunjukkan murid-murid bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam semua keadaan semasa pembelajaran Bahasa Melayu berlangsung. Di samping itu, dapatan menunjukkan 63.3 % murid dapat melihat hasil kerja kumpulan lain dan mendapat maklumat baharu semasa sesi perbentangan hasil kerja kumpulan. Peratusan murid yang sangat menyetujui pernyataan mereka dapat mencatat maklumat semasa sesi perbentangan adalah 66.7 % manakala 56.7 % murid dapat menghuraikan isi-isi penting dan seterusnya dapat menulis karangan dengan baik.

Hasil kajian menunjukkan tahap min sikap murid tahun 5 adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid sedar akan kepentingan ilmu Bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Ainun Rahmah et.al (2017) yang menunjukkan interpretasi min yang tinggi ($M=4.37$) dalam pernyataan ilmu Bahasa Melayu berguna kepada mereka. Selain itu, sikap positif murid menunjukkan bahawa mereka mampu menyiapkan

tugas Bahasa Melayu mereka dan meningkatkan hasil pencapaian ujian penulisan mereka. Hasil kajian ini disokong oleh hasil kajian Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2013) yang menunjukkan 78% sampel kajian mereka bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia dapat membantu menyiapkan tugas mereka. Di samping itu, hasil kajian Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014) menggambarkan majoriti murid-murid asli menunjukkan sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Hasil kajian Zamri et.al (2016) yang menjadikan murid Cina sebagai sampel kajian juga menunjukkan sikap positif mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Dapatan kajian berkaitan motivasi menunjukkan 53.3 % murid mendapat galakan dan dorongan daripada guru Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa guru sebagai penggalak kepada murid untuk lebih meminati Bahasa Melayu. Selain itu, dapatan menunjukkan 63.3 % murid dapat menyiapkan tugas penulisan Bahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan dan mereka berasa gembira apabila dapat menyelesaikan tugas bahasa Melayu tersebut. Murid-murid juga tidak merasa malu untuk bertanya kepada guru semasa sesi pembelajaran Bahasa Melayu berlangsung kerana mereka mendapat galakan dan sokongan yang kuat daripada guru bahasa Melayu mereka. Menurut Ainun Rahmah et.al (2017), faktor yang mendorong dan memotivasikan para murid untuk memmuridi bahasa Melayu adalah peranan tenaga pengajar. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Ibnu Hassan (2015) yang menyatakan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran, guru merupakan orang pertama yang harus menyedari tugas mereka sebagai motivator kerana salah satu tugas guru adalah memberi motivasi dan meningkatkan pencapaian murid.

Dapatan kajian ini memberi sokongan empirikal kepada Model Proses Pembelajaran Gagne. Menurut model ini, individu yang berhadapan dengan persekitarannya akan mendapat pelbagai rangsangan sama ada secara sedar atau tidak, secara sengaja atau tidak dan sama ada dari luar atau dari dalam. Motivasi merupakan suatu dorongan semula jadi yang wujud dalam diri manusia. Tanpa motivasi, proses pembelajaran tidak akan bermakna dan berkesan. Hasil kajian menunjukkan 53.3 % murid mengakui motivasi dan galakan daripada guru dapat meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu mereka. Fasa kedua melibatkan aktiviti pemerhatian dan pemilihan rangsangan yang tepat dan relevan. Murid menumpukan perhatian semasa belajar di dalam kelas dan menolak gangguan lain seperti bunyi perbualan rakan-rakan sekelas. Hasil kajian menunjukkan 53.3 % murid- murid menyetujui bahawa mereka lebih suka berbincang bersama-sama di dalam kumpulan dan mereka akan menunjukkan sikap positif iaitu menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru.

Fasa ketiga adalah fasa di mana rangsangan yang telah disimpan dikodkan dengan cara tersendiri dan ringkas. Contohnya merekodkan isi-isi penting dalam bentuk yang mudah disimpan. Seterusnya ialah fasa penahanan. Dapatan kajian menunjukkan 63.3 % murid mendapat maklumat hasil daripada pembentangan kumpulan ahli kumpulan lain dan perbincangan di dalam kumpulan sendiri. Fasa penahanan adalah bahagian yang berkeupayaan menerima dan menyimpan sebanyak mana maklumat yang diperolehi. Fasa mengingat kembali merupakan tindakan mencari maklumat atau pengalaman yang telah disimpan dalam stor ingatan jangka panjang. Hasil kajian menunjukkan murid dapat mengingat kembali apa yang telah dipelajari dan dibentangkan oleh ahli kumpulan lain supaya mereka dapat menjawab soalan tugas guru. Fasa generalisasi merujuk kepada fasa pemindahan pembelajaran atau fasa aplikasi di mana seseorang boleh mengingat kembali maklumat dalam stor ingatan jangka panjang dan menggunakannya untuk situasi yang serupa atau sama. Sebanyak 50 % murid menyatakan mereka dapat menulis karangan Bahasa Melayu dengan baik selepas sesi

perbincangan dan perbentangan ahli kumpulan. Fasa Prestasi dikenali sebagai fasa perlakuan. Mengikut Gagne, fasa ini boleh dilihat dan diukur daripada perubahan tingkah laku seseorang dalam proses pembelajaran. Misalnya, murid bertindak balas dengan menjawab soalan guru atau rakan secara lisan. Fasa terakhir iaitu menerima maklum balas guru apabila murid rajin bertanya kepada guru.

Cadangan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian di atas, pengkaji ingin menyarankan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan atau tindakan susulan bagi memperkembangkan pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu di Malaysia.

Para murid dicadangkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti berkumpulan supaya dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir dan memupuk nilai bekerjasama mereka selain dapat berkongsi idea dan maklumat sesama rakan. Seterusnya, murid-murid perlu lebih banyak bertanya soalan kepada guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid juga perlu rajin membaca buku untuk menambah pengetahuan dan mengetahui isu-isu semasa selain kerap membuat latihan tambahan di rumah.

Guru Bahasa Melayu adalah pemudahcara yang boleh menentukan sikap dan motivasi para murid. Justeru adalah dicadangkan agar guru-guru menggunakan sumber yang ada dan melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran bahasa Melayu serta menggiatkan penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran hendaklah dipelbagaikan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian peringkat umur murid-murid, objektif pengajaran dan sebagainya. Guru-guru bahasa Melayu hendaklah sentiasa diberi pendedahan berbentuk kursus-kursus tentang cara-cara pengajaran alaf 21. Guru perlulah mempelbagaikan teknik pengajaran yang boleh menarik minat murid-murid melalui penggunaan aplikasi teknologi. Di samping itu, guru perlu bertindak sebagai motivator kepada murid-murid untuk meningkatkan motivasi diri dan sahsiah murid-murid.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan hendaklah melengkapkan sekolah dengan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran yang secukupnya supaya murid-murid dan guru-guru mendapat faedah yang maksimum bersesuaian dengan arus perkembangan masa kini. Selain itu, kementerian perlu meneruskan dasar semakan semula sukatan muridan bahasa Melayu agar selari dengan matlamat dan keperluan semasa. Kementerian Pendidikan atau jabatan perlulah mengadakan bengkel pengajaran guru dan penghasilan bahan pengajaran Bahasa Melayu kepada guru-guru supaya dapat diaplikasikan kepada murid-murid. Para guru perlu diberi pendedahan, latihan dan kursus-kursus kemahiran pengajaran dan diberi informasi terkini. Insentif yang bersesuaian haruslah diberikan kepada para guru sebagai satu galakan dan motivasi kepada mereka supaya tidak merasa tertekan dan terbeban dengan tanggungjawab yang diberi.

Kesimpulan

Strategi *Gallery Walk* merupakan strategi alaf 21 yang boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan strategi *Gallery Walk* dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu masih berada pada tahap awal. Oleh itu, menjayakan strategi ini merupakan suatu cabaran kepada guru-guru bahasa dan semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan strategi ini pada masa hadapan. Justeru guru-guru perlu menjadikan strategi ini sebagai strategi pilihan dalam pengajaran dan

pembelajaran di dalam bilik darjah supaya dapat melahirkan murid yang cemerlang dan terbilang pada masa akan datang.

Rujukan

- Abdul Aziz, N. A. & Tengku Ahmad, T. A. H. D. (2011) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Murid Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Laporan Projek Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku.
- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Sikap kanak-kanak Orang Asli di bandaraya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2): 57-66.
- Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh. (2005). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam menguasai mata muridan kejuruteraan di politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan JPPG 2005. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Ogos.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna ruzanna. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Kemahiran Menulis Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Chew Fong Peng (2018). Sikap Bahasa Melayu Dalam Kalangan Siswa/I China. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 1-11.
- Chin, C.K., Khor, K.H. & Teh, T.K. (2015). Is Gallery Walk an Effective Teaching and Learning Strategy for Biology? In Esther Gnanamalar S. D.(ed.). *Biology Education and Research in a Changing Planet* (pp 55-59). Paris: Springer.
- Erhasyah. (2018). Urgensi Penerapan Pembelajaran Berbasis Minat Siswa. *Jurnal Riset dan Konseptual*, 3(4), 385-391.
- Fazlina Rahiman & Aniza Suriati Shukor. (2015). Hubungan Minat dan Sikap Terhadap Pencapaian Murid dalam Kirsus DPA 3043 –Auditing. *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEX)*. Dimuat turun pada Jun, 2019 dari <https://upikpolimas.edu.my/conference/index.php/icomplex/icomplex17/paper/viewFile/295/44>
- Ibnu Hassan. (2015). Pengembangan Kurikulum LPTK(Penyiapan Calon Guru PAI) Berbasis Kkni. *Islamadina*, 14(1), 29-49.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar dan Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Murid Program j-QAF. *GEMA Online ® Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan Motivasi Murdi Iban dalam Memmuridi Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1),13-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lai.L.C, Chin H.L & Chew.F.P. (2017). Amalan Pengajaran Guru Tingkatan 4 dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan kreatif serta pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 4(1), 1-12.
- Marini. (2012). Efektifitas Penggunaan Metode “Gallery Walk” dalam Meningkatkan Kemampuan Siswa Pada Pembelajaran Bahasa Arab di Madrasah Tsanawiyah Al-Fatah

- Tarakan. Dimuat turun pada Jun, 2019 dari https://www.unhas.ac.id/arab/data_fl/JURNAL_Marini.docx
- Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mohd Faez Ilias, Muhammad Syakir Sulaiman & Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2018). Pelaksanaan Strategi Murid Sebelum Mempraktikkan Kemahiran Menulis Tugas Akademik. *Journal of Social Science and Humanities*, 15(5), 181-188.
- Machmudah, Umi dan Abdul Wahab Rasyidi. 2008. *Active Learning dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Malang: UIN-Malang Press.
- Mohd Izzuddin Pisol & Mohd Salihin Fauzi. (2017). Sikap dan keupayaan sendiri murid dalam kemahiran menulis tugas akademik. Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2017). Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Malaysia.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. (2012). Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Education Phycology & Counseling*, 5, 30-57.
- Richards, J.C. & Rodgers, T.S. (2001). *Approaches and Methods in Language Teaching*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Rohaida Mazlan, and Zamri Mahamod, (2016) Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru bahasa Melayu melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(2), 173-182.
- Silberman, Melvin L. (2007). *Active Learning: 101 Strategi Pembelajaran Aktif*. (Terj. Sarjuli dkk). Yogyakarta: Pustaka Insan Madani.
- Tan, C.S. & Alcantara, C.N. B. (2017). Gallery Walk Technique in Teaching Selected Topic in English and Learners Performance. *International Journal of Advanced Research (IJAR)*, 5(3), 1000-1002.
- Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang, (2012) Aplikasi pembelajaran jigsaw 11 dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2), 62-70.
- Yusnidar. (2014). Penerapan Metode Gallery Walk Untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Teks Analytical Exposition Bahasa Inggris Siswa Kelas XI IPA-1 MAN Model Banda Aceh". *Journal GEEJ (Getsempena English Education Jurnal)*, 1(1). 55-63.
- Tewksbury, B. & Heather Macdonald. (2014). Online course design tutorial. Retrieved 2019 May from http://serc.carleton.edu/NAGT_workshops/coursedesign/tutorial/strategies.html
- Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19-29.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon. (2014). Sikap dan Motivasi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu, *Procedia-social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.
- Zaleha Ahmad. (2014). Kemahiran Menulis: Peningkatan Kemahiran Dalam Kalangan Murid Melalui Program 'Tinta Emas'. Kertas Kerja. Seminar Bahasa Peringkat Nasional, Nanyang Technology University, Singapura, September.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*.Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahmood, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38-51.

- Zamri Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap murid Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, Februari, 40-43.
- Zulkifli Osman (2013). Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersepadu. Tesis Falsafah Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim, Roslina Abd Talib. (2011). Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Murid Dalam Kursus Cc301 – Quantity Measurement. Dimuat turun pada Jun, 2019 dari https://www.academia.edu/7322625/HUBUNGAN_ANTARA_MINAT_SIKAP_DENGAN_PENCAPAIAN_MURID_DALAM_KURSUS_CC301_QUANTITY_MEASUREMENT